



# MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

## NOTIS SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred, kategori dan pengkhususan atau Kementerian Kewangan yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti yang berikut:

NO SEBUT HARGA TAJUK FAIL RUJUKAN	KELAYAKAN KONTRAKTOR/ SYARIKAT	TARIKH/HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH & MASA SEBUT HARGA DITUTUP
<u>NO SEBUT HARGA</u> S0238/20 <u>FAIL RUJUKAN</u> MBS/JKJ/SH(172)2020/BGN(32) <u>TAJUK</u> CADANGAN MENAIKTARAF BUMBUNG DAN KERJA-KERJA KEROSAKAN AM DI BAZAAR LEE SAM, MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN  <b>Sebut Harga Yang Lewat Tidak akan Diterima.</b>	(BUMIPUTERA) GRED G1 Pengkhususan B24	<u>DARI TARIKH</u> 15 Jun 2020 (Isnin) <u>HINGGA</u> 22 Jun 2020 (Isnin) <u>HARGA DOKUMEN</u> RM 50.00 <u>TEMPAT</u> JABATAN KEWANGAN WISMA MBS, PERSIARAN FOREST HEIGHTS 1 JALAN SEREMBAN- TAMPIN 70450 SEREMBAN <u>WAKTU URUSAN</u> Isnin - Khamis 08:00 pagi - 01:00 petang 02:00 petang- 04:00 petang Jumaat 08:00 pagi - 12:15 tengahari	<u>TARIKH</u> 22 Jun 2020 (Isnin) <u>MASA</u> 12:00 TENGAHARI

2. Sekiranya penyebut harga tidak berdaftar dengan Majlis Bandaraya Seremban dikehendaki berdaftar terlebih dahulu dengan kadar yang ditetapkan. Pembayaran bagi pembelian dokumen hendaklah dibuat dalam bentuk Deraf Bank/Kiriman Wang/Wang Pos atas nama Majlis Bandaraya Seremban dan bayaran ini tidak akan dikembalikan. Dokumen Sebut Harga hanya dijual kepada syarikat atau wakilnya yang sah sahaja yang menunjukkan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau Sijil Kementerian Kewangan Malaysia Asal berserta satu salinan sijil tersebut dan Surat Wakil (bagi bukan pemegang asal sijil).

3. Semua dokumen Sebut Harga mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dan ditulis tajuk dan nombor Sebut Harga berkenaan di penjuru kiri dan dialamatkan kepada Datuk Bandar, WISMA MBS, PERSIARAN FOREST HEIGHTS 1, JALAN SEREMBAN-TAMPIN, 70450 SEREMBAN dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Wisma MBS, Persiaran Forest Height 1, Jalan Seremban Tampin, 70450 Seremban'.

4. Majlis Bandaraya Seremban tidak terikat untuk menerima dokumen Sebut Harga yang terendah atau sebarang dokumen Sebut Harga. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen Sebut Harga yang tidak terdapat di dalam Peti Sebut Harga setelah Peti Sebut Harga dibuka.

5. Tidak mempunyai sebarang tunggakan (Cukai Taksiran/ Kompaun/ Sewaan/ Semak Samun/ pelbagai tunggakan lain) dengan MBS. Sekiranya tunggakan ini dijelaskan sebelum atau dalam tempoh penjualan dokumen tender, kontraktor/ pembekal layak untuk menyertai Sebut Harga ini.

6. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan.

>> HANYA PEMILIK LESEN SAHAJA YANG LAYAK MENGHADIRI LAWATAN TAPAK.  
>> SEMUA PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI MEMBAWA COP SYARIKAT,  
SIJIL-SIJIL BERKAITAN SEMASA LAWATAN TAPAK  
>> NOTIS SEBUT HARGA JUGA BOLEH DILAYARI DI LAMAN WEB:  
[www.mbs.gov.my](http://www.mbs.gov.my)